

Cadangan denda sehingga RM13,000

KUALA LUMPUR 24 Nov. - Kementerian Pengangkutan boleh mencontohi ketegasan kerajaan Britain dalam menangani masalah menggunakan telefon bimbit ketika memandu dengan mengenakan tindakan tegas seperti mendenda sehingga RM13,000, membatalkan lesen memandu pesalah serta mewajibkan mereka mengambil semula peperiksaan pemanduan.

Ketua Makmal Pengangkutan Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Dr. Sitti Asmah Hassan berkata, penggunaan telefon bimbit sememangnya mengganggu tumpuan pemanduan dan kebarangkalian untuk berlaku kemalangan adalah sangat tinggi.

"Sebenarnya kerajaan boleh lakukan sistem perundangan seperti ini kerana diketahui ramai memandu sambil menggunakan telefon adalah kesalahan besar.

"Kalau mahu lihat dari segi keberkesanannya kita dapat lihat bagaimana pengguna jalan raya di negara tersebut memandu secara berhemah dan tidak seperti di ne-

gara kita," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Kerajaan Britain pada 1 Mac lalu menguatkuasakan undang-undang memandu menggunakan telefon bimbit di mana setiap pesalah boleh dikenakan saman sebanyak RM1,094 atau penalti enam mata yang menyaksikan lesen memandu berusia dua tahun ke bawah akan dibatalkan serta mewajibkan mereka mengambil semula peperiksaan pemanduan.

Jika kesalahan tersebut dibawa ke mahkamah, pesalah berkemungkinan berdepan hukuman denda RM5,473 sekiranya menggunakan kereta dan RM13,684 bagi mereka yang memandu lori.

Kementerian Pengangkutan kelmarin menzahirkan kebimbangan terhadap kadar kemalangan melibatkan kesalahan menggunakan telefon bimbit ketika memandu di negara ini yang direkodkan kian meningkat.

Sehubungan itu, Menterinya, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, sebanyak 20 lagi kesalahan termasuk penggunaan telefon bimbit ketika memandu dan memotong garisan

berkembar akan ditambah ke dalam Sistem Keselamatan Kesedaran Automatik (AWAS) pada tahun depan.

Dalam pada itu, Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr. Law Teik Hua berkata, keputusan kerajaan memasukkan kesalahan menggunakan telefon bimbit ketika memandu dalam AWAS adalah tepat pada masanya terutama bagi menghalang perbuatan tersebut daripada terus menjadi penyumbang kepada kemalangan maut di negara ini.

Beliau percaya langkah tersebut mampu memberi kesan besar kepada usaha kerajaan untuk menyedarkan masyarakat tentang keburukan gejala itu yang sudah menjadi trend kehidupan.

Selain itu, beliau turut mencadangkan agar Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) supaya duduk semeja dan sama-sama memikirkan cara paling efektif untuk menyelesaikan masalah berkenaan sebelum menjadi barah dalam masyarakat.